

Jerebu: 27 kompaun dikeluarkan susulan pembakaran terbuka di Selangor

KOSMO ONLINE | 18 September 2019 2:17 PM



Orang ramai digesa supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki serta dicerobohi pihak tidak bertanggungjawab. Foto oleh Bernama

SHAH ALAM - Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor telah mengeluarkan sebanyak 27 kompaun sehingga semalam susulan pembakaran terbuka di sekitar Selangor.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian berkata, tiga kertas siasatan turut sedang dilengkapkan oleh JAS atas kesalahan pembakaran terbuka mengikut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di seluruh negeri ini.

Katanya, jabatan penguatkuasa lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan akan turut mengambil perundangan tindakan perundangan yang berkaitan bagi kes-kes pembakaran terbuka.

"Rondaan bagi mencegah pembakaran terbuka akan ditingkatkan sehingga selepas tengah malam oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti JAS, PBT dan Pejabat Tanah dan Daerah serta Bomba.

"Kita ingin mengesa orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki serta dicerobohi pihak tidak bertanggungjawab sehingga berlakunya pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu sama ada sengaja atau tidak sengaja," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau memberitahu, Pejabat Tanah dan Daerah Klang khususnya akan mengikut semua prosedur susulan kenyataan Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari sebelum ini berkaitan perampasan tanah di Johan Setia.